

24 AUG 1997

Mahathir-Anwar

SURAT DAKWA ANWAR TERBABIT SKANDAL SEKS TIDAK BENAR: MAHATHIR

Oleh: E. Sivabalan

SHAH ALAM, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini isi kandungan sepucuk surat yang mendakwa kononnya Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim terbabit dalam skandal seks adalah tidak benar.

Perdana Menteri berkata ada usaha untuk mensabotaj imej Anwar menerusi dakwaan kononnya timbalannya itu terbabit dalam satu skandal.

Dr Mahathir ditanya oleh pemberita mengenai khabar angin beliau ada menerima sepucuk surat baru-baru ini daripada seseorang yang mendakwa seorang menteri kanan terbabit dalam satu skandal seks.

"Ya (ada). Dakwaan itu terhadap Anwar Ibrahim," katanya setelah melepaskan peserta Proton 300 KM Perlumbaan dan karnival Merdeka di Litar Shah Alam.

Ketika ditanya apakah sebenar dakwaan-dakwaan dalam surat berkenaan, beliau berkata: "Macam-macam, seks, itu, inilah.

"Tidak ada kebenaran dalam dakwaan itu yang dibuat oleh orang tertentu melalui sepucuk surat," katanya.

"Tidak terdapat sebarang bukti dan ia hanyalah fitnah semata-mata."

Dr Mahathir berkata penulis surat itu sendiri telah menafikan kebenaran isi kandungan surat itu.

"Orang yang tulis itu pun dah kata tak benar apa yang dia kata dalam surat itu," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata kes itu kini dianggap tutup selepas penyiasatan dibuat oleh pihak polis.

Dr Mahathir berkata beliau telah menerima laporan polis mengenai perkara itu dan berpuas hati dengannya.

"Jadi, kes tutup, tak payah tanya (soalan) lagi," he said.

Perdana Menteri berkata dakwaan itu mungkin dibuat terhadap Anwar untuk menghalangnya daripada menggantikannya (Dr Mahathir) pada masa hadapan.

"Yang nyata orang ramai berpendapat yang Anwar bakal menggantikan saya dan satu percubaan dibuat untuk memberi gambaran yang tidak baik (mengenai Anwar) supaya dia tidak dapat menggantikan saya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau percaya dakwaan itu tidak akan mencemarkan imej Anwar "melainkan semua orang begitu bodoh untuk mempercayai tuduhan tidak masuk akal itu terhadap Anwar".

Semasa ditanya sama ada beliau telah meminta Anwar untuk menjelaskan perkara itu, Dr Mahathir berkata; "Tak payahlah tanya yang itu ... tetapi saya mengetahui secukupnya mengenai perkara ini."

Semasa diminta menjelaskan lebih lanjut mengenai surat itu, Dr Mahathir berkata ada tanda-tanda ia mungkin ditulis oleh lebih daripada seorang.

Katanya ia menunjukkan orang lain mengimlakkan surat itu.

"Orang lain telah mengimlakkan surat itu kerana surat itu ditulis dalam gaya bahasa yang di luar kemampuan salah seorang daripada penulis-penulis itu," kata Dr Mahathir.

Beliau menyifatkan usaha orang-orang ini sebagai bermotifkan politik dan menegaskan tidak ada kebenaran dalam surat itu.

Perdana Menteri berkata: "Orang yang menulis surat itu kemudian menyatakan tidak ada kebenaran dalam surat itu.

"Sudah tentunya, kandungan surat itu dikaitkan dengan sesuatu peristiwa, tetapi ia telah disalahtafsir. Contohnya, jika kita melihat seseorang berada di sesuatu tempat, kita boleh kata dia hendak membuat sesuatu tetapi sebenarnya kita tidak tahu.

"Tetapi untuk tujuan politik, bagus untuk menggunakan sepenuhnya surat itu. Sebagai contoh, gambar saya diambil dengan beberapa wanita di samping saya, ia tidak bermakna saya mempunyai hubungan luar dengan mereka ... selalu macam itulah. Saya dulupun dikaitkan dengan seorang wanita Cina di Singapura," katanya. -- BERNAMA

ES AHH